

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

PLG 295 Pengantar Kaedah Mengajar Matapelajaran Ilmu Kemanusiaan

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) Bahagian. Jawab DUA soalan dari Bahagian A. Pilih dan jawab DUA soalan dari tiap-tiap Bahagian B dan Bahagian C.

Sila serahkan jawapan anda mengikut Bahagiannya, secara berasingan. Jawapan kepada setiap soalan tidak boleh lebih daripada dua (2) muka surat kertas jawapan.

Bahagian A

1. Nyatakan secara ringkas Falsafah Pendidikan Negara Malaysia.

[10 markah]

2. Huraikan konsep intelek, rohani, jasmani dan emosi, seperti yang dimaksudkan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

[10 markah]

Bahagian B

3. Dengan memberikan contoh-contoh yang spesifik, jelaskan secara ringkas maksud "objektif am" dan "objektif khas" sesuatu Rancangan Mengajar Huraian.

[20 markah]

4. Apakah yang dimaksudkan dengan Set Induksi? Apakah tujuan Set Induksi diadakan pada permulaan sesuatu pengajaran?

[20 markah]

...2/-

5. Huraikan secara ringkas mengapa alat bantu mengajar penting dalam proses pengajaran-pembelajaran.

[20 markah]

Bahagian C

6. Huraikan secara ringkas setiap satu daripada kaedah mengajar berikut:

- [a] inkuiri/tinjau-siasat
- [b] perbincangan dalam kumpulan kecil
- [c] kerja-luar
- [d] simulasi

[20 markah]

7. Jelaskan secara ringkas jenis-jenis penilaian berikut:

- [a] penilaian formatif
- [b] penilaian sumatif
- [c] ujian rujukan kriteria

[20 markah]

8. Berikan contoh-contoh soalan yang kurang berkesan. Nyatakan sebab-sebab mengapa anda katakan soalan tersebut kurang berkesan dalam proses pengajaran-pembelajaran.

[20 markah]

-- ooooo0oooo --